


# KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

## Maksud Bekalan/Pembangunan 23



Mengurus RM	Pembangunan RM	Jumlah RM
864,050,600	Cara Langsung 1,593,645,000	2,457,695,600
	Pinjaman 0	

### MISI

Menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dalam pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar sejajar dengan Wawasan Negara.

### PELANGGAN

- (i) Agensi-agensi Kerajaan;
- (ii) Kerajaan Negeri;
- (iii) Badan-Badan Bukan Kerajaan;
- (iv) Badan/Syarikat Swasta; dan
- (v) Orang Ramai/Masyarakat Setempat.

## OUTCOME

- (i) Pengurusan air, geologi dan tanah yang lestari; dan
- (ii) Pengurusan alam sekitar, biodiversiti dan hutan yang lestari.

### PROGRAM 1 : IBU PEJABAT

**Objektif** – (a) Merancang, menentukan dan memastikan pelaksanaan dasar, strategi dan program berkaitan pengurusan dan pentadbiran tanah, pengurusan sumber asli meliputi sektor perhutanan, sumber air, mineral dan batuan serta perlindungan alam sekitar secara lestari di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa sejajar dengan aspirasi kementerian dan Kerajaan; dan (b) Memberikan khidmat sokongan dari segi pengurusan pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, sistem teknologi maklumat, pengauditan, perundangan, perhubungan awam dan perpustakaan yang cekap serta berkesan kepada semua bahagian dan jabatan dalam membantu mencapai objektif kementerian secara keseluruhan.

#### Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

**Objektif** – (a) Memastikan perkhidmatan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan maklumat dan pemantauan projek pembangunan dilaksanakan secara efektif, efisien, berintegriti serta berkualiti mengikut keperluan kementerian dan agensi di bawahnya selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa; (b) Menyelaras keperluan kewangan bagi 13 Program di bawah kementerian dan memastikan ia diagihkan dan dibelanjakan mengikut keperluan program dan aktiviti; dan (c) Memastikan penyediaan perancangan dasar, peraturan dan program berasaskan keputusan Jemaah Menteri dan kementerian dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. terimaan stok di Stor Pusat	71	80	50
Bil. bil dan tuntutan dibayar dalam tempoh 14 hari	6,014	7,000	7,000
Bil. Kertas/Memorandum Jemaah Menteri yang diselaraskan	103	90	90
Bil. sistem aplikasi yang diselenggara	3	3	3
Bil. kursus/bengkel/seminar yang diadakan	1,964	977	977

#### Aktiviti 2 : Pengurusan Sumber Asli

**Objektif** – (a) Merancang dan menetapkan dasar serta hala tuju pembangunan dan kemajuan sektor mineral dan geosains negara; (b) Memastikan pelaksanaan pentadbiran tanah serta perkhidmatan ukur dan pemetaan menepati dasar Kerajaan; (c) Memastikan inisiatif perkongsian dan penggunaan data geospasial di kalangan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pengguna lain melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dilaksanakan mengikut dasar dan garis panduan yang ditetapkan; dan (d) Memastikan dasar, strategi dan program pengurusan sumber air dan saliran yang dirangka berasaskan kepada keputusan Jemaah Menteri dan dilaksanakan dengan teratur sejajar dengan tuntutan semasa.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. dasar/akta peraturan/garis panduan digubal/disemak/dipinda	12	15	12
Bil. ulasan Kertas Jemaah Menteri lain yang disediakan	48	37	37
Bil. penganjuran dan penyertaan di mesyuarat/seminar/dialog di peringkat antarabangsa	8	9	9
Bil. Kertas Jemaah Menteri disediakan bagi isu-isu berkaitan <i>core-business</i> kementerian	35	30	31
Bil. kertas yang dibentangkan dalam Majlis Tanah Negara/Majlis Biodiversiti Negara	23	18	14

### Aktiviti 3 : Pengurusan Alam Sekitar

**Objektif** – (a) Menentukan dasar, strategi dan program berkaitan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa; dan (b) Memastikan pengurusan biodiversiti dan sumber hutan negara sentiasa terpelihara serta dibangunkan ke arah mengarusperdanakan pengurusan biodiversiti dan mencapai objektif pengurusan hutan secara berkekalan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. maklum balas mesyuarat Majlis-Majlis peringkat kebangsaan	10	4	4
Bil. pembentangan <i>statement</i> /pendirian negara/pembentangan di mesyuarat/seminar/dialog di peringkat antarabangsa	52	20	20
Bil. penyediaan ulasan Kertas Jemaah Menteri kementerian lain yang dibuat	26	15	15
Bil. penyediaan Kertas Jemaah Menteri yang disediakan bagi isu-isu berkaitan <i>core business</i> Kementerian	41	15	15
Bil. kertas pertimbangan atau makluman persetujuan ahli-ahli Majlis ke atas dasar/akta/peraturan/garis panduan	11	10	10

## PROGRAM 2 : PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH

**Objektif** – (a) Memastikan sistem pengurusan dan perundangan tanah dipertingkatkan di seluruh negara agar cekap dan bermutu selaras dengan Dasar Pembangunan Negara; dan (b) Memastikan pengurusan harta tanah Persekutuan, penyelesaian pembahagian pusaka, pengambilan tanah dan penguatkuasaan dengan cekap.

### Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan dan Pembahagian Pusaka

**Objektif** – (a) Menentukan semua keperluan logistik dan pengurusan pentadbiran am, kewangan, perkhidmatan dan perjawatan serta pembangunan modal insan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Ibu Pejabat dan Negeri-negeri (Pusat Tanggungjawab) disediakan dan dikawal secara teratur, cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak pelanggan; dan (b) Mengendalikan urusan penyelesaian kes pembahagian pusaka kecil seluruh negara dengan cepat, cekap dan mudah.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kursus mengikut Pelan Operasi Latihan (%)	62	90	95
Peratus fail yang dikemaskini mengikut klasifikasi Arkib (%)	80	90	90
Peratus penyelesaian kes pembahagian pusaka permohonan baru (Seksyen 8) dalam tempoh 4½ bulan (%)	76	80	80
Peratus penyelesaian kes pembahagian pusaka permohonan baru (Seksyen 7) dalam tempoh 3 bulan (%)	64	60	60

## Aktiviti 2 : Kemajuan Pengurusan dan Perundangan

**Objektif** – (a) Mewujudkan sistem pentadbiran tanah yang lebih cekap, berkesan dan sensitif kepada pembangunan di peringkat negeri dan daerah; (b) Mewujudkan perundangan dan dasar tanah yang lebih cekap dan dinamik bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Negara; (c) Mewujudkan sebuah pentadbiran tanah yang memberi daya saing kepada pentadbiran tanah dunia; (d) Membangunkan dan melaksanakan suatu sistem pengurusan dan pentadbiran tanah yang bersepadu melalui penggunaan ICT; dan (e) Memastikan penyelenggaraan semua perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan sistem dapat dilaksanakan dengan cekap supaya berada dalam keadaan baik untuk menjamin kelancaran tugas harian warga JKPTG dengan tahap kerosakan yang minimum.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. dokumen rujukan pengurusan tanah bagi membantu urusan tanah	4	5	5
Peratus Pejabat Tanah mencapai melebihi 70% peratus pematuhan kriteria SSR (Sistem <i>Star Rating</i> ) Pentadbiran Tanah (%)	97	90	80
Bil. negeri terlibat dengan peluasan Sistem e-Tanah	4	4	5

## Aktiviti 3 : Penyelarasan dan Operasi Tanah

**Objektif** – Memastikan semua urusan Harta Tanah Persekutuan dilaksanakan secara menyeluruh, pengutipan hasil dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan sempurna serta menepati peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam usaha menjadikan urusan pentadbiran tanah lebih efisien dan berintegriti. Menyediakan proses kerja serta mewujudkan jaringan koordinasi yang bersepadu di antara agensi pengambilan melalui Strategi Laut Biru Kebangsaan (NBOS).

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. penyelesaian kes pengambilan tanah dalam tempoh yang ditetapkan	9,043	17,495	11,378
Peratus tanah persekutuan dapat digunakan oleh Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) apabila diperlukan (%)	99	80	80
Bil. pencerobohan tanah kerajaan yang dapat dikurangkan	49	18	20
Jumlah penggunaan lot tanah kerajaan yang optimum	33,502	33,502	33,502

#### Aktiviti 4 : Pasukan Petugas Khas

*Objektif* – Membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia menyelesaikan tunggakan urusan tanah.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus penyelesaian tunggakan urusan urus niaga dan bukan urus niaga (%)	99	90	90
Peratus penyelesaian tunggakan urusan permohonan dan pendaftaran hak milik strata (%)	95	90	90

#### PROGRAM 3 : UKUR DAN PEMETAAN

*Objektif* – (a) Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster dan pemetaan menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan; (b) Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang terkini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara; (c) Menjadikan jabatan sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan; dan (d) Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.

#### Aktiviti 1 : Khidmat Pengurusan

*Objektif* – Memastikan pelaksanaan dasar ukur dan pemetaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan mengejut aset melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)	4	4	4
Peratus pembayaran AP58(a) di bawah 5 peratus dari jumlah peruntukan kemas kini (%)	20	15	15
Peratus prosesan baucar bayaran kurang 14 hari (%)	100	100	100

#### Aktiviti 2 : Perancangan dan Korporat

*Objektif* – Merancang, melaksana dan menganalisis dasar ukur dan pemetaan meliputi perancangan, penyelidikan dan pembangunan infrastruktur ukur supaya menjadi sebuah organisasi yang proaktif dan dinamik selaras dengan visi jabatan dalam memenuhi Dasar Pembangunan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. Audit Kualiti yang dijalankan	4	4	4
Bil. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan JUPEM (Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia) diadakan	5	6	6
Bil. pengiktirafan pensijilan kualiti	4	4	4
Peratus pemahaman peserta kursus yang dianjurkan (%)	96	94	95
Peratus bilangan hari setahun penggunaan portal tanpa gangguan <i>downtime</i> (%)	97	95	95

### Aktiviti 3 : Kadaster

**Objektif** – Memastikan perkhidmatan dan produk Ukur Kadaster terutamanya Pelan Suratan Hakmilik serta Pangkalan Data Ukur Kadaster Kebangsaan (NDCDB) adalah terkini dan sentiasa memenuhi kehendak *stakeholders* dan pengguna jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. pelan ukuran hakmilik tanah disiapkan (lot)	51,307	52,500	53,000
Bil. semakan Kerja Ukuran Hakmilik daripada Juruukur Tanah Berlesen (lot)	154,848	153,100	150,000
Bil. semakan Pelan Cadangan Strata Peringkat 1 (petak)	71,810	40,000	40,000
Bil. penyediaan Pelan Hakmilik Strata Peringkat 2 (petak)	71,730	57,000	57,000

### Aktiviti 4 : Pemetaan

**Objektif** – (a) Memberikan perkhidmatan/keluaran pemetaan yang berkualiti tinggi, efisien dan berkesan mengikut format/spesifikasi yang telah ditentukan; (b) Menggubal dasar berkaitan bidang pemetaan dan memastikan kerja-kerja pemetaan dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan selaras dengan keperluan Kerajaan untuk penyelidikan, pembangunan dan kedaulatan negara; (c) Memastikan pengutipan data topografi dan geodesi yang tepat dan jitu dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan negara; dan (d) Menentukan kepentingan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dalam melaksanakan kerja penandaan, pengukuran dan penentuan sempadan antarabangsa (darat dan maritim) di antara Malaysia dengan negara jiran.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Jumlah penyediaan pangkalan data geospasial (lembar)	815	1,827	1,827
Jumlah penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa dan negeri (km)	87.65	111	111
Jumlah penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur geodetik bagi aktiviti ukur, pemetaan dan geospasial negara (titik)	1,194	886	886
Jumlah penyediaan dan pengemaskinian Pangkalan Data Utiliti bawah tanah bagi kawasan Lembah Klang (km)	112.19	90	90

## Aktiviti 5 : Geospasial Pertahanan (BGSP)

**Objektif** – Peningkatan penyelesaian permohonan maklumat geospasial bagi sistem pertahanan dan keselamatan negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus perkhidmatan penawanan data geospasial (%)	100	100	100
Peratus mewujudkan perkhidmatan geospasial Medan untuk operasi dan latihan peringkat ATM (%)	100	100	100
Peratus perkhidmatan melalui portal/ perkhidmatan web(%)	100	100	100
Peratus membekal pelbagai produk berdasarkan <i>Print On Demand</i> (%)	100	100	100
Peratus khidmat nasihat teknikal kepada perolehan sistem-sistem pertahanan ATM berkenaan keperluan data geospasial pertahanan (%)	100	100	100

## PROGRAM 4 : MINERAL DAN GEOSAINS

**Objektif** – (a) Memastikan maklumat komoditi mineral bagi meningkatkan pertumbuhan industri berasaskan mineral tersedia; (b) Menggalakkan penggunaan optimum maklumat dan perkhidmatan geosains bagi pembangunan yang mampan; (c) Memastikan pengusaha hasilan sumber mineral berkembang secara teratur, selamat, cekap dan mesra alam serta mendatangkan pulangan yang optimum kepada negara; (d) Menggalakkan kepelbagaian penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor perindustrian negara melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan (e) Menyediakan perkhidmatan kepakaran dalam mineral, geosains dan perlombongan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor mineral dan perancangan pembangunan negara.

### Aktiviti 1 : Korporat dan Ekonomi Mineral

**Objektif** – Memastikan penggubalan dasar dan strategi serta perancangan jabatan disediakan dengan tepat serta membuat penilaian dan pemantauan bagi semua aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus kehadiran latihan 7 hari setahun (%)	97	85	85
Bil. laporan teknikal/ <i>map report</i> disediakan	5	5	5
Bil. laporan komoditi mineral disediakan	6	5	5
Peratus pembayaran bil diproses kurang 14 hari (%)	99.6	100	100
Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan mencapai sekurang-kurangnya 99 (%)	99.6	99	99

## Aktiviti 2 : Operasi

**Objektif** – (a) Meningkatkan inventori dan melengkapkan pangkalan data bagi sumber mineral dan maklumat geosains; (b) Memberi khidmat nasihat, perkhidmatan kepakaran dalam bidang mineral, geosains dan perlombongan dan pengkuarian; (c) Menyediakan perkhidmatan analisis makmal mineral, air dan batuan yang berkualiti bertaraf ISO; dan (d) Memastikan operasi lombong dan kuari dijalankan dengan selamat dan mesra alam sekitar menggunakan amalan kejuruteraan yang terbaik dan mematuhi undang-undang.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. liputan kajian geokimia (km <sup>2</sup> )	298	300	300
Bil. liputan kajian mineral perindustrian (km <sup>2</sup> )	128	100	100
Bil. pembangunan sistem telaga air tanah	10	40	40
Bil. lawatan pemeriksaan lombong dan kuari	2,801	3,000	3,000
Bil. liputan pemetaan geologi <i>terrain</i> (km <sup>2</sup> )	120	140	140

## Aktiviti 3 : Perkhidmatan dan Teknikal

**Objektif** – (a) Menyediakan khidmat kepakaran khusus eksplorasi sumber geologi negara meliputi geologi penderiaan jauh, survei geofizik, survei geologi marin, analisis mineralogi dan petrologi, dan perkhidmatan penggerudian; (b) Menyediakan perkhidmatan dan membekalkan data analisis kimia dan ujian fizik mengikut piawaian antarabangsa bagi sampel-sampel batuan, mineral, logam dan aloi, mineral perindustrian, air tanah dan bahan eksplorasi geokimia; (c) Memberi perkhidmatan kepakaran dan pemantauan dalam bidang pembangunan lombong dan kuari, penggunaan bahan letupan/bahan berbahaya, pensijilan dan kompetensi peletupan, dan perlindungan alam sekitar dan harta benda; (d) Menyediakan perkhidmatan berkepakaran tinggi dan perancangan strategik dalam bidang hidrogeologi, geologi kejuruteraan, pemetaan geologi dan sumber mineral ke arah pembangunan mampan dan pemeliharaan alam sekitar; (e) Menyediakan perkhidmatan pusat data geosains kebangsaan yang merangkumi kemudahan penyimpanan, pemprosesan dan penganalisan data mineral dan geosains negara; (f) Memberi pendedahan, pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat awam mengenai bidang geologi dan perkara berkaitan serta kepentingannya melalui pameran tetap di Muzium Geologi; dan (g) Menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan kewangan jabatan dengan cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. perkhidmatan kepakaran geosains dilaksanakan	46	40	40
Bil. perkhidmatan kepakaran analisis geokimia dilaksanakan	64,554	40,000	40,000
Bil. perkhidmatan analisis mineralogi dan petrologi dilaksanakan	2,109	350	500
Bil. skop perkhidmatan analisis geokimia di dalam pensijilan SAMM MS ISO/IEC 17025	41	41	41
Bil. permohonan maklumat geosains disediakan	155	150	150



#### Aktiviti 4 : Penyelidikan Mineral

*Objektif* – Menggalak dan mempelbagai penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang ke arah pembangunan sektor perindustrian negara dan menggalak pengusahahasilan sumber mineral secara mapan melalui penyelidikan, pembangunan dan komesialisasi (R,D&C).

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. produk R&D mineral yang dihasilkan	5	4	6
Bil. kertas kerja dan laporan teknikal yang diterbitkan	58	19	2
Bil. kolaborasi yang dilaksanakan	8	5	8
Bil. teknologi dan garis panduan yang diguna pakai	2	3	4

#### PROGRAM 5 : PERHUTANAN

*Objektif* – (a) Memastikan kawasan hutan negara diurus dengan teratur untuk menjamin bekalan kayu dan keluaran hutan yang lain mencukupi; dan (b) Memastikan keadaan iklim, fizikal dan alam sekitar yang baik bagi kepentingan rakyat dan negara.

#### Aktiviti 1 : Dasar dan Pengurusan

*Objektif* – Menggubal dasar dan menyediakan perkhidmatan pengurusan sokongan secara cekap dan berkesan ke arah pencapaian pengurusan hutan secara berkekalan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara dan Akta Perhutanan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. sistem aplikasi yang dibangunkan	1	3	2
Bil. Kem Kesedaran Hutan dilaksanakan	12	12	12
Peratus penarafan dalam pengauditan pengurusan kewangan (%)	94.8	90	90

#### Aktiviti 2 : Operasi Hutan

*Objektif* – Memastikan sumber hutan di Semenanjung Malaysia diurus, dipelihara, dan dibangunkan supaya pengeluaran kayu-kayuan dan perkhidmatan secara berterusan dan kestabilan alam sekitar serta bagi meningkatkan sumbangan sosioekonomi selaras dengan dasar dan Akta Perhutanan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. permohonan kelulusan teknikal kilang yang diluluskan	37	20	20
Bil. pengusaha Bumiputera yang berkelayakan bagi menyertai kerja-kerja pembangunan hutan	65	80	80

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. aktiviti rondaan dan penguatkuasaan dijalankan	10,880	15,000	12,000
Bil. program pembangunan modal insan	105	65	69
Bil. kertas siasatan yang disediakan menjurus kepada pendakwaan	127	50	50

### Aktiviti 3 : Pembangunan Hutan

**Objektif** – Memastikan sumber hutan di Semenanjung Malaysia dipelihara dan dibangunkan melalui aktiviti dan projek sivilkultur, ekonomi hutan dan ladang hutan ke arah pengurusan hutan secara berkekalan selaras dengan dasar dan Akta Perhutanan Negara.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. <i>Forestry Management Unit</i> (FMU) disijilkan	8	8	8
Bil. ekspedisi saintifik kepelbagaian biologi hutan dilaksanakan	1	1	1
Jum. luas penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai (ha)	40	50	50
Jum. kawasan habitat koridor ekologi <i>Central Forest Spine</i> yang dipulihkan (ha)	0	162	162

### PROGRAM 6 : ALAM SEKITAR

**Objektif** – (a) Memastikan kawalan dan pencegahan pencemaran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan; (b) Memastikan wujudnya integrasi pemuliharaan alam sekitar dalam perancangan projek pembangunan; dan (c) Meningkatkan promosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang ramai.

#### Aktiviti 1 : Pentadbiran dan Pengurusan Am

**Objektif** – Memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan jabatan dilaksanakan dengan baik selaras dengan objektif jabatan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. kursus dan bengkel	129	80	80
Bil. kes tatatertib	4	3	3
Bil. urusan rekod perkhidmatan	1,550	1,560	1,570

#### Aktiviti 2 : Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar

**Objektif** – (a) Meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai alam sekitar; (b) Memastikan kualiti laporan dan proses kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dipercepatkan; (c) Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan orang luar melalui latihan dan pembangunan modul latihan; dan (d) Memastikan sistem aplikasi *Geographical Information Systems* (GIS) dibangunkan untuk pengurusan alam sekitar yang lebih cekap dan efektif.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. laporan EIA	239	300	400
Bil. ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT)	12,253	12,000	12,000
Bil. aplikasi yang dibangunkan	5	8	5
Bil. modul latihan	6	0	6

### Aktiviti 3 : Pengawasan dan Penguatkuasaan

*Objektif* – Mencegah, mengawal dan mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar melalui aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih menyeluruh dan efektif.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. operasi punca tetap	15,054	11,000	11,000
Bil. operasi punca bergerak	4,556	5,000	5,500
Bil. stesen pemantauan sungai	891	891	891
Bil. stesen pemantauan udara	52	52	52
Bil. saman dan kompaun	3,233	3,500	3,500

## PROGRAM 7 : PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA

*Objektif* – Memulihara sumber biodiversiti negara dan kawasan perlindungan serta membangunkannya secara lestari bagi memastikan faedah yang berkekalan kepada manusia dari segi ekonomi, pendidikan, penyelidikan, estetik, rekreasi, ekopelancongan dan fungsi khidmat proses ekologi alam.

### Aktiviti 1 : Konservasi

*Objektif* – (a) Memastikan kawasan perlindungan hidupan liar dilindungi dan dibangunkan untuk tujuan penyelidikan, pendidikan, ekonomi, estetik, rekreasi dan ekologi; (b) Memastikan sumber biodiversiti dilindungi, diurus dan dikekalkan untuk penghasilan faedah mapan dan optimum; dan (c) Mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan sokongan orang ramai mengenai keperluan dan kepentingan konservasi biodiversiti.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. penguatkuasaan	219	160	160
Bil. baka yang dibiakkan	1,554	1,200	1,200
Bil. pelawat ke pusat pelancongan	560,265	450,000	450,000
Bil. operasi gangguan hidupan liar	463	352	400
Bil. program bersama masyarakat setempat	217	197	200

### Aktiviti 2 : Operasi

*Objektif* – (a) Memastikan hal ehwal pengurusan sumber manusia, pentadbiran am, pengurusan aset, pembangunan dan kewangan diuruskan dengan cekap dan berkesan; dan (b) Memastikan kursus dan latihan yang dijalankan berupaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap pegawai, di samping berupaya meningkatkan keberkesanan pendidikan konservasi hidupan liar kepada orang ramai.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. naziran di Pusat Tanggungjawab (PTJ) negeri bagi urusan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan	10	16	16
Bil. pemantauan projek pembangunan	11	11	33
Bil. peserta yang mengikuti kursus anjuran jabatan	4,330	4,000	4,000
Bil. kursus yang dianjurkan	145	100	100

## PROGRAM 8 : PENGAIRAN DAN SALIRAN

**Objektif** – Memastikan pengurusan sumber air negara yang cekap dengan menyediakan perkhidmatan kepakaran kejuruteraan dan pengurusan sumber air merangkumi pengurusan lembangan sungai, zon pantai serta pengurusan banjir dan kemarau secara bersepadu bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan memastikan sekuriti air dan kelestarian alam sekitar melalui Objektif Strategik Jabatan seperti berikut: (a) Memperkasakan pengurusan sumber air bersepadu bagi memastikan sekuriti air dan kelestarian alam sekitar; (b) Memantapkan keupayaan teknikal dan menjadi rujukan dalam pengurusan dan kejuruteraan sumber air; (c) Memperkasakan organisasi ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan; (d) Memantapkan pengurusan maklumat sumber air negara bersepadu; dan (e) Memperkukuhkan pengurusan projek ke arah pembangunan infrastruktur yang berkesan demi kesejahteraan rakyat.

### Aktiviti 1 : Perkhidmatan Pengurusan

**Objektif** – Memastikan imej jabatan dapat dipertingkatkan melalui perkhidmatan pengurusan sumber manusia, pentadbiran dan kewangan yang cekap di samping mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dalam khidmat kepakaran pengurusan dan pelaksanaan ICT selaras dengan sasaran jabatan menyediakan tadbir urus yang cekap dan berkesan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Peratus pematuhan dan kualiti tadbir urus (%)	89.5	89.5	90
Peratus transformasi dan inovasi yang dilaksanakan (%)	91	91	90
Peratus bil yang dibayar dalam tempoh 14 hari (%)	99.97	100	100
Peratus prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan (%)	99.29	95	95
Peratus pelaksanaan kualiti projek (%)	-	100	100

### Aktiviti 2 : Perkhidmatan Teknikal

**Objektif** – Pengurusan sumber air yang lestari serta pengurusan maklumat sumber air negara yang bersepadu bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan mengurangkan risiko banjir, bilangan sungai tercemar, runtuh atau kerosakan struktur binaan yang minimum di kawasan pantai serta memastikan bekalan air mencukupi semasa musim kemarau.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
Bil. peningkatan panjang sungai (km)	6,655	2,000	2,000
Bil. projek naik taraf empangan	3	3	3
Bil. Projek Tebatan Banjir	33	48	67
Bil. Program Mencegah Hakisan Pantai	8	7	15
Bil. Stesen Telemetry yang siap	816	816	866

## PROGRAM 9 : TAMAN LAUT

**Objektif** – Mengekalkan kawasan perlindungan taman laut dengan (a) pelaksanaan penilaian keberkesanan pengurusan taman laut menggunakan kaedah *Management Effectiveness Assessment Tool* (MEAT) sebanyak 20%; (b) pengurangan 1.5% kes ketidakpatuhan perundangan/pencerobohan taman laut berbanding tahun sebelum; dan (c) pengekalan indeks litupan karang hidup pada tahap *fair* (26%-50%).

**Aktiviti** – Terdapat enam (6) aktiviti di bawah program Jabatan Taman Laut iaitu Penguatkuasaan dan Pelesenan, Kejuruteraan, Khidmat Pengurusan, Perancangan dan Pengurusan Taman Laut, Penyelidikan dan Inventori Sumber serta Pendidikan dan Intepretasi Maklumat.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2015 (Sebenar)	2016 (Anggaran)	2017 (Anggaran)
